



## SIARAN MEDIA

### PERKESO KOMITED MELAKSANAKAN INISIATIF PERLINDUNGAN SOSIAL DAN PEMERKASAAN PASARAN BURUH DI BAWAH BELANJAWAN 2023

**KUALA LUMPUR** – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) menyambut baik pengumuman Bajet 2023 oleh YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada Jumaat lalu, serta komited dan akan memastikan kesemua 54 pejabatnya di seluruh negara bersedia untuk melaksanakan inisiatif Kerajaan dalam memperkuuh perlindungan sosial negara dan memperkasa pasaran buruh tempatan.

Secara keseluruhan, PERKESO telah diperuntukkan **lebih daripada RM 313 juta** bagi melaksanakan **lima (5) inisiatif perlindungan sosial negara** dan **lima (5) inisiatif program pasaran buruh aktif** bagi tahun 2023.

Inisiatif perlindungan keselamatan sosial yang diumumkan dalam Bajet 2023 merangkumi **Padanan Caruman Pekerja Sendiri, Geran Caruman Suri Rumah Miskin (Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah, SKSSRS), Program Saringan Kesihatan PERKESO Pasca-COVID 19, Geran Penjagaan Kanak-kanak bagi Wanita Kembali Bekerja, dan Perlindungan Tambahan Menerusi Program LINDUNG+**.

Bagi inisiatif pemerkasaan pasaran buruh pula, ia meliputi **Program Transisi Pekerjaan Untuk Perantisan TVET & Lepasan Sekolah, Program Bina Kerjaya Pekerja Informal Gig Riders, Pelanjutan Insentif Penggajian Pekerja Secara Bersasar, Elaun Mobiliti dan Pembangunan Pusat Satelit MYFutureJobs di UTC Seluruh Malaysia .**

#### **Padanan Caruman Pekerja Sendiri**

Memandangkan hanya 34 peratus atau 713,122 individu bekerja sendiri dari 2.1 juta golongan bekerja sendiri di negara ini menyertai Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS), PERKESO akan memperluaskan program bantuan padanan caruman Kerajaan di bawah Belanjawan 2023 dengan pembiayaan 80 peratus pelan caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) untuk tiga (3) lagi sektor baharu iaitu **sukan, pendidikan dan ejen**. Pembiayaan penuh caruman pula diteruskan kepada

sukarelawan di sektor awam seperti sukarelawan APM, petugas pemulihan dalam komuniti, Bomba, pekhidmat rumah ibadat dan RELA, serta pekerja awam berstatus kontrak. Sebanyak **RM 100 juta** diperuntukkan untuk program ini yang dijangka memberi manfaat kepada lebih **500 ribu orang bekerja sendiri** di Malaysia.

### **Geran Caruman Suri Rumah Miskin - SKSSR**

Demi kesejahteraan golongan suri rumah yang memainkan peranan penting dalam pembangunan institusi keluarga dan “care economy”, PERKESO akan menumpukan liputan perlindungan sosial kepada suri rumah dari isi rumah miskin menerusi peruntukan **RM 20 juta bagi melindungi 338,000 suri rumah keluarga miskin selama 12 bulan di bawah SKSSR**. Sehingga **24 Februari 2023**, seramai **168,350 suri rumah** dilindungi SKSSR PERKESO, di mana **161,254** daripadanya adalah suri rumah dalam senarai eKasih dan mencarum dengan i-Suri.

### **Program Saringan Kesihatan PERKESO Pasca-COVID-19**

Malaysia dianggarkan kehilangan produktiviti sebanyak RM9 bilion di kalangan pekerja akibat Penyakit Tidak Berjangkit (NCD), yang juga memberi kesan kepada kesejahteraan keluarga. Sehubungan itu, PERKESO akan melaksanakan Program Saringan Kesihatan dengan dana **RM 70 juta** sebagai langkah pencegahan NCD di kalangan pekerja.

Inisiatif ini terbuka kepada lebih **2.3 juta pencarum yang berumur 40 tahun ke atas, di bawah Skim Keilatan**. Program ini merupakan penambahbaikan kepada Program Pemeriksaan Kesihatan (HSP) PERKESO sejak 2013, yang telah menarik penyertaan 20 peratus lebih tinggi berbanding program saringan kesihatan lain di negara ini.

### **Geran Penjagaan Kanak-kanak Kepada Wanita Kembali Bekerja**

Untuk menggalakkan wanita kembali bekerja setelah berhenti selepas bersalin, PERKESO akan membuat pindaan ke atas Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 bagi memperuntukkan **Geran Penjagaan Kanak-Kanak kepada Wanita Kembali Bekerja**. Geran satu bulan bersamaan **80 peratus daripada gaji bulanan berinsurans** disediakan untuk kira-kira **136,800 wanita** yang kembali bekerja selepas tempoh bersalin. Ini melibatkan pembayaran faedah sebanyak **RM 292 juta setahun** dan golongan ibu ini akan dibantu untuk bekerja semula menerusi Program Penempatan Pekerjaan MYFutureJobs.

### **Perlindungan Tambahan Menerusi Program LINDUNG+**

PERKESO akan bekerjasama dengan penyedia insurans swasta untuk melaksanakan inisiatif **LINDUNG+** yang menyediakan **pelan perlindungan keselamatan sosial di luar skop perlindungan sedia ada PERKESO**. Program ini menyediakan perlindungan opsional untuk pekerja berpendapatan melebihi siling RM 5,000 sebulan termasuk

rawatan perubatan di bawah Skim Keilatan dan perlindungan bagi penyakit kronik yang tidak dianggap ilat oleh Jemaah Doktor.

### **Program Transisi Pekerjaan Untuk Perantisan TVET & Lepasan Sekolah**

Program Transisi Pekerjaan Untuk Perantisan TVET dan Lepasan Sekolah atau **KerjayaTVET** menyediakan insentif sebanyak **RM 600 sebulan untuk tempoh 3 bulan kepada majikan yang menggajikan graduan Teknikal dan Vokasional (TVET)**. Dengan dana **RM 45 juta, seramai 17 ribu graduan TVET** berpeluang mendapat manfaat ini menerusi perkhidmatan pekerjaan MYFutureJobs. Untuk menangani isu ketidaksepadanan dari segi kemahiran pencari kerja dan keperluan industri, **KerjayaTVET** akan memberikan fokus kepada program “Place and Train” (penempatan dan latihan) yang membolehkan majikan menghantar belia, khususnya graduan TVET yang diambil bekerja untuk menjalani latihan berdasarkan kompetensi (*competency-based*) oleh penyedia latihan yang diiktiraf Kerajaan.

### **Program Bina Kerjaya Pekerja Informal Gig Riders**

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, 97.7 peratus daripada pekerja gig di Malaysia terdiri daripada belia dan 39.5 peratus daripada pekerja gig pula mempunyai kelayakan setakat SPM. Susulan itu, Kerajaan memperuntukkan **RM 40 juta** untuk memperkasa kemahiran **30 ribu pekerja gig** dan meningkatkan potensi mereka memperoleh pekerjaan formal.

Program **Bina Kerjaya** ini menyediakan **elaun RM 300 sebulan bagi tempoh 3 bulan kepada gig rider** yang aktif menjalani latihan kemahiran untuk mendapat pekerjaan stabil dalam sektor formal. **Subsidi bayaran Yuran Latihan** juga disediakan untuk membolehkan pekerja gig menjalani pengajian *microcredentials* di IPTA atau IPTS. *Microcredentials* adalah kursus pendek daripada program yang mendapat akreditasi, yang akan membolehkan pelajar lebih fokus kepada topik mengikut kesesuaian dan kemampuan mereka.

### **Pelanjutan Insentif Penggajian Secara Bersasar**

PERKESO akan meneruskan program Insentif Penggajian menerusi **Program Daya Kerjaya** yang membabitkan penempatan pekerjaan bagi kumpulan sasar daripada kalangan belia yang lama menganggur dan golongan rentan seperti orang asli, wanita, orang kurang upaya (OKU), miskin tegar, individu diparol, bekas banduan dan sebagainya. Dengan dana **RM 100 juta**, Program Daya Kerjaya dijangka akan memberi manfaat kepada **58 ribu orang** dengan **insentif RM 600 sebulan selama tiga bulan untuk majikan** yang mengambil pekerja dari kumpulan sasar ini.

## **Elaun Mobiliti**

Penerima faedah kehilangan pekerjaan di bawah Sistem Insurans Pekerjaan PERKESO yang mendapat tawaran pekerjaan baharu, layak memohon bantuan mobiliti sebanyak RM500 hingga RM1,000. Bantuan sekali beri (*one-off*) ini bertujuan meringankan beban pencari kerja yang akan memulakan pekerjaan serta melibatkan penghijrahan jarak jauh dari Sabah atau Sarawak ke Semenanjung dan sebaliknya.

## **Pembangunan Pusat Satelit MYFutureJobs Di UTC Seluruh Malaysia**

Selari dengan pengumuman Belanjawan 2023, PERKESO akan memperluas akses peluang kerjaya dan perkhidmatan pekerjaan kepada setiap lapisan masyarakat di Malaysia menerusi MYFutureJobs. PERKESO menghargai mandat daripada Kerajaan dengan peruntukan **RM 8 juta** bagi menaik taraf pusat UTC di seluruh negara dan menjadikannya Pusat satelit MYFutureJobs yang menyediakan khidmat pekerjaan seperti jawatan kosong, sesi temu duga bersama majikan dan kaunseling kerjaya untuk manfaat pencari kerja termasuk bakal graduan.

Sebagai peneraju keselamatan sosial, PERKESO komited memastikan jaringan keselamatan sosial yang inklusif dan menyeluruh tanpa meminggirkan mana-mana pihak menerusi penambahbaikan faedah dan perluasan perlindungan kepada golongan yang belum dilindungi. Perlindungan keselamatan sosial yang mampan turut memberikan jaminan pekerjaan dengan pendapatan yang stabil bagi kesejahteraan rakyat dalam jangka masa panjang. Sehubungan itu, ikhtiar-ikhtiar Kerajaan yang terkandung dalam Belanjawan 2023 yang diamanahkan kepada PERKESO akan dilaksanakan dengan penuh akauntabiliti dan ketelusan.

Maklumat tentang inisiatif PERKESO di bawah Belanjawan 2023 boleh didapati dalam **FAQ Inisiatif Bajet 2023** yang akan dikemaskini dari semasa ke semasa menerusi laman web rasmi PERKESO [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) dan **media sosial rasmi PERKESO**. Sila hubungi **Careline PERKESO** di talian **1-300-22-8000** untuk sebarang pertanyaan.

**DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN AZIZ MOHAMMED**

**Ketua Eksekutif**

**26 Februari 2023**